

## Tiada ghost smoke dijual di Tanah Merah, Jeli

**TANAH MERAH** - Tiada *ghost smoke* dijual di Tanah Merah dan Jeli ketika pemeriksaan terhadap premis perniagaan di dua daerah itu.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan peniaga yang menjual gula-gula itu.

"Kita dapati peniaga mula akur dan tidak menjual gula-gula itu. Sekiranya masih ada yang menjualnya, tindakan akan diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP Tanah Merah akan sentiasa memantau dari semasa ke semasa berhubung perkara berkenaan bagi memastikan semua pihak mematuhi peruntukan undang-undang.



**AHMAD AZIZI**

Katanya, aduan boleh menerusi talian 03-8000 8000 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) atau talian bebas tol Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) 1-800-886-800.

"Jika menggunakan aplikasi telefon pintar Ez ADU, boleh emailkan ke alamat e-aduan@kpdnhep.gov.my dan jika menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS), boleh hantar ke 15888 dengan menaip KPDNHEP ADUAN dan laporkan," katanya.